

**KENYATAAN MEDIA
UNTUK SIARAN SEGERA**



**NIBM PERKENAL TEKNIK PENGHASILAN BENIH RUMPAI LAUT MELALUI
TEKNOLOGI KULTUR TISU**

SERDANG, 31 Oktober 2018 – National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) memperkenalkan teknik penghasilan benih rumpai laut melalui teknologi kultur tisu melalui Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) yang telah mengadakan Latihan dan Pemindahan Teknologi bagi Penghasilan Benih Kultur Tisu Rumpai Laut pada hari ini.

Majlis Penyempurnaan Latihan dan Pemindahan Teknologi bagi Penghasilan Benih Kultur Tisu Rumpai Laut telah dilaksanakan oleh YB Puan Isnaraissah Munirah Majlis, Timbalan Menteri Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).

ABI seperti mana sedia maklum berperanan sebagai institut yang menjalankan projek-projek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan dalam bidang bioteknologi pertanian. Institut ini memfokuskan kepada tiga bidang utama iaitu bahagian bioteknologi tumbuhan, bioteknologi haiwan dan bioteknologi makanan.

Rumpai laut dianggap 'super food' Malaysia berikutan kandungan nutrisinya yang tinggi dan pelbagai khasiat terhadap kesihatan fizikal dan penjagaan kulit. Industri ini mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan dan dikembangkan kerana serbuk rumpai laut dan karaginan daripada rumpai laut mempunyai aplikasi yang luas dalam industri pemprosesan makanan dan minuman, kosmetik dan farmaseutikal. Malah, industri ini juga dapat memberi pulangan yang lumayan kepada pengusaha.

Walaupun, pengusaha industri rumpai laut sering mengalami masalah seperti kesukaran untuk mendapatkan bekalan benih rumpai laut secara konsisten, kemerosotan kualiti benih dan ancaman penyakit. Ini kerana, rumpai laut yang ditanam secara konvensional iaitu menggunakan teknik potongan menunjukkan penurunan kandungan karaginan, kadar pertumbuhan dan daya rintang terhadap penyakit dan perubahan cuaca dari semasa ke semasa.

Bagi mengatasi masalah yang dihadapi, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9), ABI telah mengambil inisiatif dengan membangunkan teknik penghasilan benih rumpai

laut (*Kappaphycus alvarezii* var. Tambalang) melalui kaedah kultur tisu. Berdasarkan pemerhatian dan kajian yang dijalankan, teknik tersebut berjaya menghasilkan kualiti rumput laut yang lebih baik berbanding rumput laut liar terutamanya dari segi aspek kadar pertumbuhan dan kandungan karaginan rumput laut.

Kesinambungan dari kejayaan tersebut, ABI telah berjaya menerima pembiayaan dana di bawah Projek Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) bagi tahun 2018 hingga 2019, melalui Program Pembangunan Mampan Benih Rumput Laut Bagi Industri Akuakultur. ABI juga bertanggungjawab memindahkan teknologi kultur tisu rumput laut ini kepada kakitangan Jabatan Perikanan (DOF) dan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) di Langkawi.

Program ini dilihat dapat melatih kakitangan DOF khususnya FRI Langkawi dan pengusaha-pengusaha rumput laut tentang kaedah penghasilan benih, pembiakan, penanaman dan penjagaan benih disamping dapat mempromosikan teknologi kultur tisu kepada masyarakat, khususnya pengusaha industri rumput laut. Melalui sesi latihan dan pemindahan teknologi yang berlangsung bermula dari 30 Oktober hingga 31 Oktober 2018, peserta-peserta didedahkan dengan teori dan kemahiran teknikal seperti kaedah pengadaptasian rumput laut ke persekitaran makmal, penyediaan media, proses penghasilan benih kultur tisu dan penyelenggaraannya serta beberapa aspek-aspek penting yang perlu dititikberatkan.

Sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR), pihak NIBM positif dan yakin bahawa projek ini dapat menyumbang ke arah melahirkan komuniti pengusaha rumput laut yang berkemahiran tinggi. Projek ini juga merupakan salah satu daripada inisiatif NIBM dalam mengembangkan lagi industri rumput laut di Malaysia.

About NIBM

NIBM is a company established under the purview of Ministry of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change (MESTECC) to undertake and support R&D activities in the biotechnology industry, to commercialize the outputs, and to establish collaboration and networking with key partners.

NIBM officially came into existence in 2014 to manage the three national biotechnology institutes-

1. Malaysia Agro Biotechnology Institute (ABI)
2. Malaysian Institute of Pharmaceuticals and Nutraceuticals (IPharm)
3. Malaysia Genome Institute (MGI)

For further information, please visit: www.nibm.my

For further media inquiries please contact:

Ms. Suhana Binti Zainol
Unit Pengurusan Penyelidikan
Tel: 03-8949 5623
Email: suhana@abi-nibm.my

Ms. Siti Nahdatul Isnaini Binti Said Hussin
Pegawai Penyelidik
Tel: 03-8949 5711
Email: isnaini@abi-nibm.my